

Headline	Melestarikan kayu-kayan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	14 May 2013	Color	Full Color
Section	Mahkamah	Circulation	60,000
Page No	26	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	692 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,806
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,418



Melestarikan kayu-kayan

Program kesedaran awam Majlis Perkayuan Malaysia (MTC) dilancarkan, baru-baru ini untuk melibatkan penyertaan pelajar berusia 13 - 16 tahun dalam usaha menggalakkan perhutanan lestari, pemerolehan produk perkayuan secara bertanggungjawab dan amalan kitar semula yang pintar.

Menyadari pendidikan merupakan saluran paling sesuai untuk memaparkan penggunaan kayu sebagai bahan binaan mesra alam dan menekankan betapa pentingnya pengurusan lestari hutan, alam sekitar dan sumber semula jadi kita, MTC menyertai Sidang Kemuncak Kepimpinan Belia Alam Sekitar Sri Aman (SAEYLS) 2013, yang bertema *BELIA - Pemimpin Masa Depan Lebih Hijau*.

Lebih 80 pelajar dari lapan sekolah berprestasi tinggi di sekitar negara ini, dan sebuah sekolah dari Indonesia serta India, masing-masing menyertai SAEYLS 2013 yang dianjurkan oleh Sekolah Menengah Kebangsaan (Perempuan) Sri Aman [SMK (P) Sri Aman], Petaling Jaya.

Sebagai penyokong SAEYLS sejak sidang kemuncak ini diadakan buat julung kalinya pada 2012, MTC merupakan salah satu penaja utama SAEYLS 2013, dengan menaja RM6,000 untuk menganjurkan persidangan dan menyumbang buku terbitan MTC, iaitu, *Re-Think: A New Paradigm for Malaysian Timber, Green Malaysia dan Rudinara: The Story of the Handmade House*, kepada perpustakaan sekolah.

Di samping itu, Pengarah Kanan Bahagian Komunikasi & Pelaburan MTC, Suria Zainal menyampaikan ceramah bertajuk, "Hutan, Alam Sekitar dan Saya" serta mengedarkan risalah yang memuatkan maklumat mengenai pengurusan perhutanan Malaysia, sifat 'hijau' kayu, pensijilan perkayuan dan kehidupan lestari kepada pelajar.

Beliau juga salah seorang daripada hakim pertandingan Inovasi Ekologi sidang ini, yang menguji kemahiran peserta menghasilkan

barangan berguna daripada bahan buangan yang boleh dikitar semula.

Dalam ucapannya, Suria juga memaparkan fakta dan perangkaan saintifik mengenai ciri kayu sebagai bahan bangunan yang paling cekap dan mesra alam, proses penguncian karbon dengan menanam pokok dan bagaimana

penggunaan kayu dalam projek pembangunan boleh mengurangkan penghasilan karbon keseluruhan sesebuah projek.

MENANGANI PERUBAHAN CUACA

Suria turut menekankan pentingnya pembelian kayu dan produk kayu secara bertanggungjawab untuk menyumbang kepada usaha menguruskan hutan negara secara lestari.

Beliau menerangkan, penggunaan kayu daripada hutan yang diuruskan secara lestari sebenarnya boleh menangani masalah perubahan cuaca.

"Pokok menyerap karbon dioksida untuk tumbuh subur dan karbon yang diserap ditukarkan kepada kayu di dalam pokok. Jika hutan dibiarkan begitu sahaja, pokok akan menjadi tua dan mati. Apabila pokok mati, kayu akan mereput dan membebaskan karbon yang disimpan dalam bentuk karbon dioksida.

"Justeru, adalah lebih baik untuk menebang pokok lebih tua, yang mempunyai nilai produktif sebagai komoditi ekonomi, daripada membiarkannya mati dan mereput untuk memastikan karbon kekal di dalam kayu.

"Apabila pokok besar ditebang, seolah-olah membuka kanopi hutan, membolehkan cahaya matahari sampai melimpahi pokok lebih kecil dan menggalakkan pertumbuhan," katanya.

JELAJAH HUTAN FRIM

Pengajaran yang ditimba oleh peserta SAEYLS 2013 tidak terhad kepada seminar dan persidangan. Tajaan MTC termasuk lawatan kajian alam ke Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) supaya pelajar dapat merasai pengalaman menyusuri hutan bandar Malaysia yang ditanam.

Lawatan separuh hari tersebut bermula dengan taklimat oleh pemandu pengunjung daripada Frim, yang membawa kumpulan pelajar dan guru mereka ke kolam ikan Arapaima institut ini dan juga Galeri/Muzium Frim. Ini diikuti acara menyusur denai di salah satu daripada banyak denai di Frim. Pemandu Frim juga berkongsi pelbagai fakta menarik tentang flora dan fauna yang ditemui sepanjang perjalanan di hutan simpan tersebut.

Kenangan paling manis lawatan ialah perjalanan sejauh 500 meter menuju Titian Silara yang membolehkan mereka menikmati

pemandangan latar langit Kuala Lumpur, dari jambatan sepanjang 150 meter yang tergantung kira-kira 30 meter di atas paras tanah. Lawatan berakhir dengan perkelahan sambil makan tengah hari di tepi air terjun selepas lama berjalan kaki.

Acara menyusur denai sambil menghayati keindahan alam di Frim adalah pengalaman yang amat menarik bagi kebanyakan peserta. Pengerusi Penganjur SAEYLS, Wong Violet ternyata begitu kagum, "Saya tidak tahu ada begitu banyak denai di Frim! Kini saya lebih maklum tentang hutan dan juga destinasi semula jadi ini yang terletak begitu hampir dengan ibu kota kita."

Bagi wakil dari Indonesia, Felicia Rachmadiana, 14, dari SMP Islam Al Azhar 9, perjalanan menuju Titian Silara ialah pengalaman paling sukar dilupakan, walaupun agak melelahkan tetapi dia gembira kerana dapat berkongsi pengalaman dengan rakan-rakan baru.

Sementara itu, MTC bercadang untuk menganjurkan aktiviti serupa dengan sekolah lain untuk mewujudkan kesedaran memulihara hutan di Malaysia.

Pengetua SMK (P) Sri Aman, Datin Noorul Aini Ambak menghargai sumbangan MTC dan memuji sokongan korporat kepada sekolah untuk mendidik tentang isu alam sekitar.

"Banyak yang diperkatakan tentang projek 'hijau', tetapi kata-kata tidak cukup. Kita perlu mengotakan apa dikata, dan menerusi program SAEYLS, kami mendidik generasi muda tentang konsep kehidupan lestari," katanya.

Selain SMK (P) Sri Aman, sidang kemuncak ini disertai oleh Kolej Melayu Kuala Kangsar (Perak), Sekolah Tun Fatimah (Johor), SMK Infant Jesus Convent (Johor), SMK Lembah Bidong (Terengganu), Sekolah Menengah Kebangsaan Perempuan St George (Pulau Pinang), M.G.D. Girls' School (India) dan SMP Islam Al Azhar 9 (Indonesia).

**MTC CETUS KESEDARAN
PELAJAR UNTUK
LAHIRKAN PEMIMPIN
ALAM SEKITAR MASA
DEPAN**

Headline	Melestarikan kayu-kayan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	14 May 2013	Color	Full Color
Section	Mahkamah	Circulation	60,000
Page No	26	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	692 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,806
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,418



Pelajar diberi penerangan mengenai anatomi pokok di Muzium Pokok.



Go green... pelajar teruja untuk meneruskan pengembaraan mereka di hutan Frim.